

KERATAN AKHBAR

JUDUL : PENYAKIT DIREKOD KITAB TIB MASIH ADA SAMPAI KINI

TARIKH : 30 NOVEMBER 2025

SITASI :

M/S :

Penyakit direkod Kitab Tib masih ada sampai kini. (2025, November 30). *PressReader*.
<https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20251130/282114937878210?srsltid=AfmBOooegERH0zjJrRJuYRGBqljNCeVHpdriDliw5cVS5BGd8RYuFCpr>

Berita Harian

'Penyakit direkod Kitab Tib masih ada sampai kini'

Naskhah ilmu perubatan tradisional Melayu wadah penting intelektual bangsa

30 Nov 2025 [+1 more](#) Oleh Hazira Ahmad
Zaidi.khoastara@bh.com.my

Kuala Lumpur: Manuskrip Melayu bukan sekadar naskhah lama yang menyimpan catatan sejarah dan kesusasteraan, tetapi turut menjadi wadah penting merakam khazanah ilmu masyarakat silam, termasuk dalam bidang perubatan tradisional.

Disebut sebagai Kitab Tib, ia tergolong dalam genre kepustakaan ilmu tradisional (etnosains) dan berkembang seiring peradaban manusia.

Profesor Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Malaysia Malaysia (USM) Prof Dr Muhammad Mustaqim

Mohd Zarif, berkata walaupun tidak sepenuhnya bersifat empirikal, Tib Melayu berpotensi menyelesaikan pelbagai masalah kesihatan kontemporari melalui penggunaan pelbagai jenis herba sebagai ubatan.

Katanya, walaupun sains moden berkembang pesat, peranan perubatan tradisional dan komplementari masih relevan.

"Sistem perubatan lama terbukti berkesan dan tidak wajar dipinggirkan, sebaliknya ia harus diintegrasikan dengan amalan perubatan moden.

"Malah, pengiktirafan terhadap kepentingan perubatradisional tan turut disokong oleh Pertubuhan

Kesihatan Sedunia (WHO) yang menekankan kepentingan memelihara dan mengembangkan

bidang berkenaan," katanya pada pembentangan, 'Ilmu Tib Inventori dan Perspektif Daripada Manuskrip

Melayu Terpilih', dalam Wacana Manuskrip Melayu Bil. 4/2025 anjuran Perpustakaan Negara

Malaysia (PNM).

Sesi yang dimudahcarakan oleh Pensyarah Kanan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Dr Nor Saadah Md Nor, turut

menampilkan Felo Penyelidikan Utama Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Supyan Hussin.

Tersimpan di 9 negara

Kongsinya lagi, dokumentasi Tib Melayu terbahagi kepada buku bercetak dan manuskrip dengan naskhah cetak berkembang pada separuh kedua abad ke-19 melalui litograf, cetakan cepas dan tipografi.



Kitab Tib adalah khazanah tradisional yang berkembang seiring peradaban manusia.

'Penyakit direkod Kita Tib masih ada sampai kini'



"Secara umumnya, buku-buku ini tidak sukar dibaca kerana ia adalah bahan bacaan yang mudah diakses selagi disimpan dengan baik, termasuk dokumentasinya."

"Kita dapat melihat wujudnya satu proses transisi, iaitu peralihan dari era manuskrip kepada pencetakan apabila masyarakat pada ketika itu mula menunjukkan keghairahan

terhadap pencetakan buku.

"Bukan sahaja karya baharu diterbitkan, malah terdapat usaha untuk mencetak semula naskhah yang sebelum ini wujud dalam bentuk manuskrip," katanya.

Transisi itu berlaku disebabkan manuskrip berkenaan dianggap penting atau mungkin disebabkan bimbang ilmu yang terkandung di dalamnya akan hilang.

Antara contoh teks yang terkenal ialah kitab Taj al-muluk karya Ismail Abdul Mutalib dari Aceh yang diterbitkan di Makkah pada penghujung abad ke-19. Ia

Secara umumnya, buku-buku ini tidak sukar dibaca kerana ia adalah bahan bacaan yang mudah diakses selagi disimpan dengan baik, termasuk dokumentasinya"

Muhammad Mustaqim Mohd Zarif

Mengandungi pelbagai ilmu seperti perubatan, perkiraan, kalendar dan tafsir mimpi.

Selain itu, teks penting lain yang turut memperlihatkan kekayaan ilmu Tib Melayu ialah Tayyib alihisan fi Tibb al-insan.

"Manuskrip pula sumber utama Kitab Tib ketika era tulisan tangan daripada manuskrip terawal sekitar abad ke-16 sehinggalah awal abad ke-20 dengan pelbagai format dan

penulis yang mencerminkan keluasan tradisi perubatan Melayu.

"Ketika era kolonial, wujud minat dalam kalangan sarjana Barat dan pegawai British untuk mengkaji warisan Tib Melayu.

"Walaupun mentaliti penjajah sering merendahkan pencapaian ilmu tempatan bagi mewajarkan sistem mereka sendiri, mereka tetap mengakui keunikan ilmu Tib Melayu dan mengkajinya secara mendalam untuk dimanfaatkan.

"Antara tokoh orientalis yang banyak menyumbang kepada dokumentasi dan kajian

Tib Melayu termasuklah William Marsden, William Maxwell, John Desmond Gimlette,

Isaac Burkill dan Walter Skeat," katanya.

Bagaimanapun, selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun

1957, minat terhadap warisan ini mula pudar apabila pemikiran masyarakat lebih memandang tinggi kepada ilmu dan sistem luar yang dianggap moden.

Katanya, berdasarkan kajian terdahulu manuskrip Tib Melayu yang wujud di dunia adalah sekitar 100 naskhah sahaja, namun kajian terkini mengesan 372 naskhah manuskrip Tib Melayu terseemban bar di 47 koleksi di negara, termasuk Malaysia, Indonesia, Belanda dan United Kingdom.

Naskhah berkenaan yang berusia antara abad ke-18 hingga abad ke-20, adalah testimoni ilmu perubatan tradisional Melayu bukan sahaja

warisan tempatan tetapi juga diiktiraf pada peringkat antarabangsa.

Malaysia menyimpan terbanyak

Malaysia adalah penyimpan koleksi terbanyak iaitu sebanyak 220 naskhah, yang menyaksikan 148 berada dalam simpanan PNM dan bakinya di Muzium Kesenian Islam Malaysia, Khazanah Fathaniyah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Universiti Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sultan Zainal Abidin (1 naskhah).

Sementara itu Supyan, menerusi pembentangannya bertajuk 'Enosains, Kesihatan dan Perubatan Alam Melayu: Konsep dan Amalan Tradisional, Moden dan Kontemporari', berkata perubatan alam Melayu berakar pada ilmu etnosains yang diwarisi secara turun-temurun. Katanya, amalan tradisional ini merangkumi penggunaan bahan semula jadi, contohnya daun sup dan saderi untuk menghilangkan sakit pinggang yang membuktikan kearifan tempatan dalam merawat penyakit.

"Buku-buku perubatan lama juga menunjukkan bahawa penyakit yang dikenal pasti berdekad lalu masih relevan pada hari ini dan boleh dirawat menggunakan pendekatan tradisional," katanya.

Bagaimanapun katanya, ilmu perubatan bersifat dinamik dan berkembang, jadi seorang ilmuwan tidak seharusnya terikat pada satu kaedah sahaja keperubatan moden, tradisional dan kompartemen saling melengkapi.

Hal ini memperjelaskan laskan Melayu pada takrifan umumnya bersifat tradisional dan masih diamalkan secara meluas, selaras dengan pendekatan perubatan tradisional seperti perubatan Cina tradisional

Di Malaysia.

Buku perubatan lama juga menunjukkan bahawa penyakit yang dikenal pasti berdekad lalu masih relevan pada hari ini dan boleh dirawat menggunakan pendekatan tradisional"

Supyan Hussin

Write a comment...

Listen Page View Share Save More



Related Stories

Sorotan 2025: Bahang GE, politik identiti, sambutan SG60
Berita Harian 1 Dec 2025